



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: +603-88849370 (Aras 4)
Faks: +603-88849315
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.600-2/5/11 *hd.* (74)
Tarikh: 26 November 2021

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/YBrs.Dr./Tuan/Puan,

PENGISIAN DAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT MURID MELALUI MODUL PEMULIHAN KHAS DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah mewujudkan Modul Pemulihan Khas dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) bagi tujuan pengisian data dan maklumat murid pemulihan khas mulai 01 Disember 2021.

...3. Untuk makluman YBhg. Datuk/YBrs.Dr./tuan/puan, pengisian dan pengemaskinian maklumat tersebut dalam Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) perlu dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali setahun iaitu pada bulan Mac, Ogos dan Januari (sila rujuk lampiran) manakala pihak yang bertanggungjawab bagi pengisian dan pengemaskinian maklumat murid pemulihan khas adalah seperti berikut:

- 3.1. **guru pemulihan** bagi murid sekolah rendah harian dan sekolah rendah agama bantuan kerajaan [SABK (R)]; dan
- 3.2. **pentadbir APDM sekolah** bagi murid Sekolah Kurang Murid (SKM).

4. Sehubungan dengan itu,, kerjasama YBhg. Datuk/YBrs.Dr./tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada pegawai penyelarasan pemulihan di jabatan pendidikan negeri (JPN), pegawai pemulihan khas di pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah rendah harian serta SABK (R) di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/YBrs.Dr./tuan/puan.

...2/-

Ruj. Kami: KPM.600-2/5/11 Jld: (74)

5. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, YBhg. Datuk/YBrs.Dr./tuan/puan, boleh menghubungi **Puan Rogayah binti Mat Salleh di talian 03-88849584/019-3247275.**

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/YBrs.Dr./tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAINAL BIN ABAS)

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

rogayah/apdm/nov2021

**TARIKH PENGISIAN DAN PENGEMASKINIAN
MAKLUMAT MURID MELALUI MODUL PEMULIHAN KHAS
DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM)
BAGI SESI PERSEKOLAHAN PENGGAL KE TIGA**

| BIL. | BULAN | TARIKH KUNCI MASUK DATA |
|-------------|---|-------------------------------------|
| 1. | Januari 2022 hingga 11 Februari 2022 | 14 Februari hingga 25 Februari 2022 |

**TARIKH PENGISIAN DAN PENGEMASKINIAN
MAKLUMAT MURID MELALUI MODUL PEMULIHAN KHAS
DALAM APLIKASI PANGKALAN DATA MURID (APDM)**

| BIL. | BULAN | TARIKH KUNCI MASUK DATA |
|-------------|--------------|----------------------------------|
| 1. | Mac | 01 April hingga 15 April |
| 2. | Ogos | 01 September hingga 15 September |
| 3. | Januari | 01 Februari hingga 15 Februari |